

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 02.10.2025 MASA: 6:30PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN BADMINTON PIALA
DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEBERANG
PERAI 2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**04 OKTOBER 2025 (SABTU)
9.00 PAGI**

**KOMPLEKS SUKAN MBSP BERTAM
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

LAr Shaqhrony Bin Md Yusoff @ Jamaludin

Setiausaha Persatuan Kebajikan Sukan & Sosial (PESUKA)

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

Encik Mohd Fidaie Bin Mohamad

Ketua Sukan PESUKA MBSP

Para Peserta

Barisan Ahli-Ahli Jawatankuasa PESUKA MBSP

Ahli-Ahli PESUKA MBSP

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia Allah SWT, pada pagi yang penuh semangat ini kita dapat bersama-sama berhimpun dalam **Majlis Perasmian Kejohanan Badminton Piala Datuk Bandar MBSP 2025.**
2. Saya ingin mengalu-alukan dengan penuh penghargaan kehadiran para dif kehormat, Ahli-ahli Majlis, barisan Jawatankuasa PESUKA, serta semua peserta daripada pelbagai agensi kerajaan sekitar Pulau Pinang. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menyerikan lagi majlis kita pada hari ini.
3. Saya amat menghargai komitmen yang diberikan oleh semua pihak. Walaupun sibuk dengan tugas harian, saudara-saudari tetap hadir dengan semangat kesukanan yang tinggi untuk menjayakan kejohanan ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan!

Tuan – tuan dan Puan – puan

4. Tahun ini merupakan **edisi kedua Kejohanan Badminton Piala Datuk Bandar**, selepas edisi sulung pada tahun 2022 yang menyaksikan pasukan MBSP muncul sebagai juara. Tradisi ini kita teruskan, bukan sekadar pertandingan, tetapi juga platform mengeratkan ukhuwah sesama agensi.
5. Sebanyak **tujuh (7) agensi kerajaan** menyertai kejohanan tahun ini iaitu MBSP, MBPP, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd., Penjara Pulau Pinang, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, UiTM Permatang Pauh, serta PERDA. Kehadiran semua pasukan ini pastinya menjanjikan persaingan yang sengit dan menarik.
6. Kepada para peserta, rebutlah peluang untuk membawa pulang hadiah yang lumayan:
 - **Juara:** RM1,200.00 + Piala Pusingan + Hamper
 - **Naib Juara:** RM1,000.00 + Hamper
 - **Ketiga:** RM800.00 + Hamper
 - **Keempat:** RM600.00 + Hamper
7. Namun lebih utama daripada hadiah, saya berharap kejohanan ini dapat menjadi **pentas mengasah bakat, membina semangat berpasukan, dan mengekalkan gaya hidup sihat**. Sesungguhnya,

aktiviti kesukanan seperti ini adalah wahana penting dalam membentuk warga kerja yang cergas fizikal dan cerdas minda.

8. Akhir kata, marilah kita jadikan kejohanan ini bukan sekadar medan persaingan, tetapi juga jambatan silaturrahim antara kita semua. Dengan penuh sukacita, saya dengan ini **merasmikan Kejohanan Badminton Piala Datuk Bandar MBSP 2025.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.